



UNTUK EDARAN  
SEGERA

## **SIARAN MEDIA**

### **DEWAN NEGARA MELULUSKAN RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2022; PINDAAN MEMBOLEHKAN WANG CARUMAN WARGA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA TERJAMIN DAN PULANGAN YANG DITERIMA MAMPAN DAN LESTARI**

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan bahawa Rang Undang-Undang (RUU) Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2022 telah diluluskan di Dewan Negara pada 11 Ogos 2022 setelah diluluskan di Dewan Rakyat pada 1 Ogos 2022. Kelulusan ini merupakan satu detik yang bersejarah sempena ulang tahun LTAT yang ke-50 sejak penubuhannya pada tahun 1972.

Ketua Eksekutif LTAT, Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman berkata, "Ahli Lembaga Pengarah serta barisan pengurusan LTAT mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein atas sokongan penuh kepada pindaan ini serta penghargaan kepada semua Ahli Dewan Negara yang memberikan sokongan kepada Rang Undang-Undang ini. Kejayaan pindaan Rang Undang-Undang ini merupakan titik permulaan baharu bagi LTAT dalam meneruskan agenda transformasinya dalam usaha untuk menjadi sebuah dana persaraan yang kompetitif dan mampan dan berupaya untuk memelihara kedudukan sosio-ekonomi para pencarum LTAT yang terdiri daripada anggota Angkatan Tentera Malaysia."

RUU pindaan Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2022 ini akan diwartakan selepas mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA  
12 OGOS 2022**

## **Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela-

Di bawah skim LTAT, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencarum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan.

LTAT menguruskan hampir RM9.7 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat Disember 2021, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan hartanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusniaga kewangan serta industri berat. LTAT menawarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencarum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa. Aplikasi MyWIRA ini adalah merupakan alternatif kepada platform atas talian sediaada LTAT seperti e-Kiosks dan i-Wira.

### **PERHUBUNGAN MEDIA:**

Jabatan Komunikasi  
Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Tingkat 8, Bangunan LTAT  
Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

E-mel: [intcomms@ltat.org.my](mailto:intcomms@ltat.org.my)  
Laman web: [www.ltat.org.my](http://www.ltat.org.my)